

Siti Hasmah nyatakan kegembiraan

BH 26/6/03
PUTRAJAYA: "Lega... segalanya sudah tamat dengan baik. Suami saya berjaya mengawal dirinya dengan baik. Alhamdulillah," kata isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Beliau menyatakan kelegaan kejayaan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjaya mengawal emosi ketika menyampaikan ucapan penggulungan terakhir sebagai Presiden di Perhimpunan Agung Umno ke-54 yang berakhir Sabtu lalu.

"Pada mulanya saya bimbang akan emosi suami saya dan juga perasaan rakyat khususnya ahli Umno pada persidangan itu. Tetapi saya gembira Dr Mahathir mampu mengawal perasaan sedihnya dengan baik," katanya ketika ditemui selepas menerima peiawat Seri Perdana ke-1,000,000 iaitu Ketua Pegawai Eksekutif, Astro Sdn Bhd, Pathmanathan Muniandy, 54, bersama keluarga di sini, semalam.

Sabtu lalu, Dr Mahathir sendiri mengaku terkejut dengan kemampuannya mengawal emosi ketika menyampaikan ucapan penggulungan terakhir sebagai Presiden pada perhimpunan agung itu.

Dr Mahathir dilaporkan berkata, beliau terkejut dan takut untuk berucap jika tidak dapat menahan perasaan sekali lagi, tetapi bersyukur berjaya melakukannya tanpa tangisan.

Ketika mengumumkan persaraannya pada perhimpunan agung tahun lalu, Dr Mahathir tidak dapat meneruskan ucapannya kerana terlalu sebak.

Rabu lalu, ketika menyampaikan ucapan dasar, Perdana Menteri hanya menitiskan airmata, tetapi tidak menangis seperti tahun lalu.

"Saya bangga melihat kemampuan suami mengawal perasaan dan tidak ada sebarang perkara yang tidak diingini berlaku," katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Siti Hasmah mengaku beliau akan merindui pertemuan bersama rakyat, terutama mereka yang mengunjungi Seri Perdana sejak kediaman rasmi Perdana Menteri itu dibuka pada Mac 2000.

"Kami tinggal di sini sejak kira-kira tiga tahun lalu. Saya akan tetap temui orang ramai selepas ini (selepas persaraan Dr Mahathir) tetapi mungkin kurang sikit dari selalu," katanya.

Sambil berjenaka dan menggelar pemberita sebagai 'paparazi', Dr Siti Hasmah berkata: "Saya pasti akan temui anda lagi... anda semua akan kejar saya seperti 'paparazikan'? Di sini saya ingin mengambil kesempatan kerana sekian masa ini, anda semua memang baik kepada suami dan saya."

Seri Perdana dibuka kepada pelawat sejak tiga tahun lalu, tetapi ditutup sementara berikutan kerja penyenggaraan dan wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).